

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Ser Tiong King Sing [Bintulu]
TARIKH : 31.3.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Ser Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian membuat kajian terlebih dahulu mengenai pengambilan pelajar di dalam bidang perubatan seiring dengan tahap kekurangan doktor di negara ini buat masa sekarang; dan
- (b) mengapakah pihak Kementerian mengehendkan pengambilan pelajar baru di dalam bidang perubatan pada sesi pengambilan IPTA 2013/ 2014 iaitu lebih kurang 100 orang pelajar sahaja yang mengikuti bidang ini di setiap universiti yang menjalankan kursus perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Majlis Perubatan Malaysia (MPM), telah menjalankan kajian berkaitan jumlah pengeluaran graduan perubatan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Hasil kajian tersebut dan dengan kelulusan Jemaah Menteri, telah dilaksanakan moratorium ke atas penubuhan fakulti dan penawaran kursus baharu bidang perubatan di IPT selama lima tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016. Moratorium tersebut dipercayai dapat

mengawal pengeluaran graduan perubatan di Malaysia dan dapat memastikan kualiti graduan-graduan tersebut tidak terjejas. KPM dengan kerjasama MPM juga sentiasa memantau program-program pengajian perubatan dengan memastikan pengambilan pelajar adalah berdasarkan kemampuan institusi dari segi fasiliti dan tenaga pengajar.

- (b) KPM melaksanakan pengurusan kemasukan pelajar ke IPTA bagi calon lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf mengikut dasar yang telah ditetapkan. KPM tidak pernah mengehendakan pengambilan pelajar di IPTA, sebaliknya unjuran pengambilan pelajar ditetapkan sendiri oleh IPTA setelah mendapat persetujuan dan kelulusan Senat Universiti. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam penetapan unjuran pengambilan pelajar oleh IPTA termasuklah fasiliti yang terdapat di IPTA, fasiliti di tempat latihan/praktikal dan juga ratio pensyarah dan pelajar.